



Industri Buku Berdepan Kemelut Ekonomi


MALAYSIA sepatutnya sudah berupaya menghasilkan sekitar 30 ribu judul buku baharu setiap tahun berdasarkan nisbah kepadatan penduduk kini yang dicatatkan berjumlah sekitar 30 juta orang. Walau bagaimanapun, negara pada ketika ini hanya mencatatkan lebih kurang 19 ribu judul buku baharu setahun, iaitu pencapaian 63 peratus sahaja jika dibandingkan dengan nisbah negara maju yang lain. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan penerbitan buku perlu digandakan kerana buku ialah khazanah dan warisan sesuatu tamadun yang sangat berharga dan menjadi medium utama penyebaran ilmu serta dokumentasi intelektual masyarakat maju.

Malaysia yang menyasarkan matlamat untuk menyertai zon negara maju dan berpendapatan tinggi dalam tempoh yang berbakat beberapa tahun lagi, dilihat penting untuk memberikan penekanan khusus terhadap usaha bagi membangunkan industri perbukuan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana buku ialah harta intelek dan harta nasional yang merupakan modal ekonomi yang berupaya mencipta kekayaan sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, dalam tempoh

lebih kurang tiga tahun inilah kita harus berkongsi aspirasi, bergerak ke arah hala tuju yang sama dan bersinergi untuk memastikan industri perbukuan negara akan berkembang maju, sekali gus dapat menjadikan Malaysia sebagai sebahagian daripada pemacu industri buku di rantau ini.

Industri buku sebagai sebahagian daripada sistem ekonomi nasional, pastinya mengalami pelbagai kesan daripada perluasan dan pengecutan ekonomi domestik. Beberapa faktor yang berkemungkinan memberikan impak kepada industri buku ialah sistem perbankan negara yang berkaitan dengan kenaikan dan penurunan kadar faedah; peningkatan atau penurunan cukai baharu, semakan undang-undang percukaian yang sedia ada, dan inflasi.

Memang tidak dinafikan bahawa kerajaan komited bagi menyokong perkembangan industri buku dan undang-undang yang berkaitan dengan penerbitan bahan bercetak yang sedia ada di negara ini. Dasar kerajaan yang berkaitan dengan prinsip dan pendekatan Strategi Samudera Biru merupakan antara usaha kerajaan bagi menggalakkan perkembangan kreativiti dan inovasi dalam kalangan masyarakat dan secara



Dalam keadaan kuasa beli isi rumah yang semakin mengecil, pengguna tidak meletakkan prioriti terhadap pembelian bahan penerbitan.

tidak langsung memberikan impak kepada industri penerbitan buku di negara kita. Dalam konteks ini, usaha yang berterusan seperti peningkatan profesionalisme dalam bidang penerbitan perlu digiatkan agar sumber tenaga dan pekerja dalam industri buku di Malaysia terus menjadi industri kompetitif dan memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.

Persekitaran budaya dan sosial di negara kita pula memerlukan perkembangan yang positif demi masa depan industri buku.

Walau bagaimanapun, dalam situasi ekonomi dunia dan ekonomi domestik yang tidak memberangsangkan pada masa ini, industri penerbitan negara mendapat kesan langsung. Dalam keadaan kejatuhan nilai mata wang Ringgit kini, pendapatan purata isi rumah telah mengecil, sekali gus mengurangkan kuasa beli rakyat. Hal ini diperitkan lagi dengan kenaikan harga barang sehingga menyebabkan orang ramai lebih berhati-hati ketika berbelanja. Perkembangan ini menyebabkan masyarakat lebih mengutamakan barang keperluan dan mengesetipkan barang kehendak dalam senarai perbelanjaan harian mereka.

Dalam hal ini, peruntukan untuk membeli bahan penerbitan, seperti akhbar, majalah dan

buku, tidak lagi menjadi keperluan yang mendesak. Situasi ini memberikan impak yang besar kepada industri penerbitan tempatan. Banyak syarikat penerbitan tempatan yang menutup beberapa judul majalah serta mengurangkan judul buku untuk diterbitkan. Dilaporkan bahawa industri penerbitan tempatan mengalami penguncupan sekitar 40-50 peratus sehingga mendorong banyak syarikat mengecilkan kos operasi.

Sebenarnya penguncupan dalam sektor penerbitan tidak hanya berlaku di dalam negara sahaja, sebaliknya perkara ini turut melanda pemain industri penerbitan pada peringkat global. Namun demikian, hal ini tidak bermakna peserta industri hanya mengikut arus dan tidak berani untuk berdepan dengan kemelut ekonomi. Cabaran yang datang perlu diurus dengan bijak, antaranya termasuklah dengan membuat kajian pasaran dan mengambil langkah menstrukturkan semula operasi syarikat untuk mengurangkan kerugian. Oleh sebab industri penerbitan amat penting bagi memenuhi kelangsungan tamadun bangsa, pemain industri harus bertahan dalam suasana ekonomi semasa.

Sehubungan dengan itu, persekitaran budaya dan sosial di negara kita pula memerlukan perkembangan yang positif demi masa depan industri buku. Walau bagaimanapun, program yang lebih inovatif dan pragmatik harus diperhebat untuk memantapkan tabiat membaca dan kadar literasi budaya dalam kalangan masyarakat, khususnya dalam kalangan generasi muda. Hanya masyarakat yang tahap minat membacanya yang tinggi yang akan menjadi pembeli atau pengguna buku yang berpotensi dan seterusnya akan menentukan kelangsungan industri buku negara.

Populasi di Malaysia semakin meningkat jumlahnya, manakala dari segi demografinya juga kian kompleks. Para pemain utama industri buku hendaklah senantiasa memantau persekitaran demografi yang mengandungi statistik penting sesebuah masyarakat. Faktor seperti gender, usia, kaum, aras pendapatan, pekerjaan, pendidikan, kadar kelahiran dan kematian, taburan geografi akan mempengaruhi perkembangan industri buku di negara kita.

Semakin banyak yang diketahui tentang komuniti dan wilayah sekitar, maka akan semakin baik dan mantaplah penilaian untuk menangani keperluan dan cita rasa masyarakat, khususnya yang berkaitan dengan kecenderungan mereka

terhadap bahan bacaan. Golongan berusia tentulah berbeza cita rasa mereka daripada golongan muda, generasi Y khususnya. Dalam konteks ini, program seperti kempen membaca seharusnya dijadikan agenda program pembangunan masyarakat yang berterusan sepanjang tahun, dan disebarluaskan ke kawasan atau bandar kecil dan kawasan luar bandar.

Pengaruh filem, televisyen, komputer, telefon bimbit, laman sosial, dan pelbagai aplikasi digital yang serba canggih, serta mudah dan pantas kini amat besar kesannya kepada industri buku. Di negara kita, teknologi baharu dan canggih begitu cepat diterima dan digunakan bagi tujuan meraih keuntungan komersial. Semua perkembangan teknologi itu seharusnya dimanfaatkan untuk memperkasakan industri buku negara, yakni kita harus juga meneroka dan memanfaatkan peluang itu untuk memperbanyak serta meningkatkan akses atau capaian kepada buku dalam bentuk digital atau e-buku yang berbayar.

Peningkatan akses demikian sangatlah penting, khususnya jika mahu menyebarkan bahan terbitan kepada komuniti yang lebih luas. Penerbitan buku dalam bentuk digital tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman kepada penerbitan buku secara bercetak dan konvensional, walau bagaimanapun, sebagai peluang untuk pemain industri melonjakkan, mencepatkan, serta meluaskan pasaran dan capaian buku.

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menggariskan bahawa nisbah penerbitan buku adalah sebanyak 0.1 peratus daripada populasi sesebuah negara. Dengan mengambil kira jumlah populasi di Malaysia yang mencecah sekitar 30 juta orang, bermakna negara kita harus sekurang-kurangnya menerbitkan 30 ribu judul buku baharu setahun. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik penerbitan buku yang didaftarkan di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), dilaporkan bahawa hanya sejumlah 19 987 judul buku berjaya diterbitkan pada tahun 2013, manakala 14 966 judul buku diterbitkan bagi tempoh Januari 2014 hingga Oktober 2014.

Dapatan bagi tahun sebelumnya memperlihatkan bahawa industri buku negara masih ada kekurangan sekitar 35 peratus judul buku yang seharusnya diterbitkan setahun. Berbanding dengan dapatan bagi Januari hingga

Oktober 2014, sekiranya dianggarkan bahawa sejumlah 1500 judul buku diterbitkan sebulan, bermakna sehingga Disember, hanya sejumlah 18 ribu judul buku baharu yang dapat diterbitkan setahun. Secara anggaran, dapatan menunjukkan penurunan lebih daripada 2000 judul bagi tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013.

Oleh itu, hala tuju industri buku negara hendaklah mencapai dua objektif utama, iaitu meningkatkan peratusan nisbah penerbitan buku baharu dari segi judul seperti yang ditetapkan oleh UNESCO, yakni 0.1 peratus daripada populasi negara kita atau 30 ribu judul buku baharu setahun dan industri buku menjadi pemacu kepada pembangunan modal insan yang berilmu pengetahuan, kreatif, dan inovatif di negara kita.

Hala tuju industri buku negara hendaklah ke arah langkah memperbanyak dan mempercepat penerbitan buku agar nisbah penduduk dengan jumlah penerbitan judul baharu yang ditetapkan oleh UNESCO dapat dirapatkan jurangnya. Pastinya hal ini memerlukan penggabungan pelbagai sumber yang dimiliki oleh penerbit di seluruh negara.

Dalam pada itu, statistik daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menunjukkan keadaan yang tidak konsisten dalam jumlah judul buku baharu yang diterbitkan oleh penerbit buku. Rekod PNM menunjukkan jumlah judul baharu yang diserahkan kepada PNM di bawah Akta 331 yang sudah diterbitkan dan berada di pasaran bagi tempoh tiga tahun (2008-2010) ialah 16 044 judul (2008), 15 767 judul (2009) dan 15 757 (2010). Purata 16 ribu judul buku setahun bagi tempoh tersebut dianggap relatif rendah dan tidak selari dengan pertumbuhan penduduk di Malaysia.

Semua penerbit di negara kita, sesuai dengan aspirasi kerajaan hendaklah berusaha untuk meningkatkan bilangan judul baharu yang diterbitkan setiap tahun. Buku yang diterbitkan hendaklah sesuai dan selari dengan dasar negara dan memenuhi keperluan serta permintaan bagi melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi sebagai kriteria bangsa daripada negara yang maju. ●

Secara anggaran,
dapat menunjukkan
penurunan lebih daripada
2000 judul bagi tahun
2014 berbanding dengan
tahun 2013.